

Lelaki direman bantu siasatan bunuh suami isteri

Berang ditegur tak kerja punca bunuh

Oleh ASLIZA MUSA

IPOH – Berang ditegur kerana tidak bekerja dipercayai menjadi motif utama pembunuhan pasangan suami isteri di sebuah rumah di Taman Bercham Aman, Bercham di sini kelmarin.

Ketua Polis Perak, Datuk Mior Faridalathrash Wahid berkata, berlaku pertengkaran antara suspek dan kakak iparnya disebabkan isu tersebut selain dia dikatakan telah merosakkan komputer di rumah berkenaan.

Katanya, suspek yang berang bertindak menyerang mangsa sebelum memukul suami wanita itu yang juga abangnya yang datang untuk membantu.

“Suspek dikatakan seorang panas baran dan cepat marah di mana pertengkaran dengan kakak iparnya kerana isu tidak bekerja membawa kepada pembunuhan mangsa.

“Kita juga percaya terdapat motif lain iaitu membabitkan dendam lama antara suspek dan mangsa, namun ia masih dalam siasatan polis,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurut Mior Faridalathrash, selain menjumpai sebilah kapak yang dipercayai digunakan dalam insiden pembunuhan berkenaan, pihaknya percaya terdapat senjata lain yang digunakan suspek semasa kejadian.

Katanya, senjata yang digunakan itu dipercayai sebilah pisau berukuran kecil dan tali untuk menjerut leher mangsa.

“Mangsa cedera parah akibat ditetak di kepala dan tangan menggunakan mata kapak, manakala objek tumpul pula membabitkan kesan kecederaan menggunakan belakang kapak.

“Terdapat senjata lain yang mungkin digunakan dalam kejadian itu dan kita masih berusaha mendapatkan barang kes berkenaan,” katanya.

Mengulas lanjut, Mior Farida-



LELAKI berusia 61 tahun (depan) direman tujuh hari bagi bantu siasatan kes pembunuhan suami isteri di Mahkamah Majistret Ipoh semalam.



KERATAN Kosmo! semalam.

lathrash berkata, pihaknya telah membuat semakan terhadap rekod kesihatan lelaki itu dan dia disahkan tidak mempunyai masalah mental.

“Berdasarkan semakan, kita

juga tidak pernah menerima sebarang laporan polis daripada mangsa berkaitan suspek sebelum ini.

“Siasatan lanjut sedang dijalankan di mana suspek telah direman selama tujuh hari bermula hari ini (semalam) untuk siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh,” katanya.

Suspek berusia 61 tahun yang melarikan diri dengan menaiki kereta Proton Saga milik kakak iparnya itu berjaya diberkas dalam tempoh 11 jam selepas laporan polis di sebuah hotel di Genting Highlands pada pukul 7.45 malam kelmarin.